



SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
(WABAK RABIES)

KENYATAAN MEDIA
WABAK RABIES DI NEGERI SARAWAK 2017
14 NOVEMBER 2017

Pada hari ini (14 November 2017), YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah memaklumkan **3 keputusan** ujian sampel Rabies telah diterima daripada VRI, Ipoh dengan **1 sampel dilaporkan positif**. Sampel positif adalah anjing liar dari **Taman Dusun Indah Sejjak, Jalan Matang, Kuching** yang mana kawasan tersebut telah diisytiharkan di dalam 10km radius kawasan surveilan dari Taman Alamanda Indah, Jalan Matang, Kuching (11.09.2017). Sampel negatif adalah anjing dari Taman Olive, Batu 7, Kota Sentosa, Kuching manakala sampel autolysed adalah dari kawasan Ladang Masranti, Simunjan.

Bilangan keputusan sampel diterima untuk virus Rabies setakat ini adalah sebanyak **275** daripada **279** sampel dihantar ke VRI, Ipoh. Sampel tersebut adalah terdiri daripada **250 sampel anjing, 24 sampel kucing** dan **1 sampel kelawar**. Daripada 275 keputusan kes, **54** atau **19.6%** yang terdiri daripada **48 sampel anjing** dan **6 sampel kucing** telah disahkan positif virus Rabies.

Secara kumulatif, bilangan haiwan kesayangan divaksinasi anti-Rabies masih kekal sebanyak **41,764 ekor** yang terdiri dari **33,815 ekor anjing, 7,904 ekor kucing** dan **45 haiwan lain**. Sebanyak **46,912 surveilan aktif** dan **1,993 surveilan**

pasif untuk mengawal penularan wabak Rabies telah dilakukan di kawasan Kuching, Sri Aman, Samarahan dan Serian.

Sehingga hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kawasan yang telah diisytiharkan Wabak Rabies adalah **26 kawasan di 4 Bahagian iaitu Serian (20), Sri Aman (1) dan Kuching (4) dan Samarahan (1) seperti berikut.**

A. Bahagian Serian

1. Kg Krait
2. Kg Paon Rimu
3. Kg Paon Rimu Bakung
4. Kg Remun
5. Kg Lebor
6. Kg Saroban
7. Kg Tangga
8. Kg Ampungan
9. Kg Mentong Berawan
10. Kg Mentong Silaga
11. Kg Engkabang
12. Kg Tampek Sumpas
13. Kg Rasau
14. Pekan Siburan
15. Bandar Serian
16. Batu 45, Kuching-Sri Aman
17. Kg Temong Mura, Tebedu
18. Kg Entubuh, Tebedu
19. Kg Kuala, Serian
20. Kg Telagus Legai

B. Bahagian Sri Aman

21. Rh. Janta Punggu Mawang

C. Bahagian Kuching

22. Batu 5, Jalan Semeba
23. Wet Market, Sg Maong
24. Kg Serikin, Bau
25. Taman Alamanda Indah, Matang

D. Bahagian Samarahan

26. Kpg. Sampun Gerunggang, Asajaya

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memaklumkan bahawa sebanyak **25 kes gigitan baru dilaporkan pada hari ini**; iaitu sembilan (9) kes daripada Bahagian Serian, satu (1) kes dilaporkan daripada Bahagian Samarahan dua (2) kes daripada Bahagian Sri Aman dan 13 kes daripada Bahagian Kuching. Daripada jumlah tersebut, 23 kes melibatkan haiwan peliharaan iaitu anjing 17 kes dan kucing enam (6) kes. Manakala, dua (2) kes melibatkan haiwan liar atau tidak bertuan, iaitu anjing satu (1) kes dan kucing (1) kes. Ini menjadikan bilangan kes kumulatif gigitan haiwan yang berlaku mulai 01 April 2017 sehingga ke hari ini adalah berjumlah 4,663 kes. Secara kumulatif juga, seramai 1,731 orang telah menerima suntikan vaksin anti-Rabies. Untuk makluman, bukan semua kes gigitan haiwan memerlukan suntikan vaksin anti-Rabies. Setiap kes gigitan akan dinilai secara klinikal oleh pakar perubatan sebelum ditentukan samada vaksin diperlukan atau sebaliknya.

Disediakan oleh:

Angkatan Pertahanan Awam (APM) Negeri Sarawak

Sekretariat

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak

14 November 2017